

## **TERMA & SYARAT SSP EDISI KHAS**

### **TERMS & CONDITIONS OF SPECIAL EDITION SSP**

1. Skim SSP Edisi Khas ini terbuka kepada semua pelanggan baru dan sediaada yang berumur 12 tahun dan ke atas.  
*Special Edition SSP scheme is open to all new and existing customers aged 12 years and above.*
2. Urusniaga Skim SSP Edisi Khas ini adalah dikendalikan mengikut prinsip Al-Mudharabah serta Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta Bank Simpanan Nasional (BSN).  
*Special Edition SSP scheme is operated and transacted under Al-Mudharabah principle and the Rules made under the Bank Simpanan Nasional (BSN) Act.*
3. Pelanggan adalah layak menyimpan dengan skim SSP Edisi Khas ini berdasarkan pada kriteria berikut:-  
*Customers are entitled to save in the Special Edition SSP scheme based on the following criteria:-*

<b>Kategori SSP Edisi Khas</b> <i>Special Edition SSP Category</i>	<b>Amaun Simpanan Minima dalam satu transaksi tunggal</b> <i>Minimum Savings Amount in a single transaction</i>	<b>Tempoh Pengekalan Simpanan</b> <i>Savings Retention Period</i>
SSP SE 6 Bulan <i>6 Month SSP SE</i>	RM1,000	6 bulan <i>6 Months</i>
SSP SE 12 Bulan <i>12 Month SSP SE</i>	RM3,000	12 bulan <i>12 Months</i>

4. Amaun simpanan minima akan ditandakan oleh sistem mengikut tempoh pengekalan simpanan yang dipilih oleh pelanggan.  
*The minimum savings amount will be tagged by the system according to the saving retention period chosen by the customers.*
5. Simpanan baru hendaklah dalam satu transaksi tunggal (satu sijil) dengan amaun minima yang telah ditetapkan seperti di item 3 di atas.  
*The new savings must be made in a single transaction (one certificate) in accordance to the specified minimum saving amount in item 3 above.*
6. Simpanan adalah secara tunai, debit akaun, kad kredit BSN dan cek melalui kaunter BSN.  
*Savings can be made by cash, account debiting, BSN credit card and cheque via BSN counter.*
7. Simpanan juga boleh dibuat secara pertukaran SSP sediaada kepada SSP Edisi Khas berdasarkan arahan dan persetujuan pelanggan.  
*Savings can also be made through conversion of existing SSP to Special Edition SSP by customer's instructions and consent.*
8. Simpanan secara pertukaran adalah tertakluk kepada penggenapan amaun minima dalam setiap sijil unit tunggal manakala penggenapan amaun minima melalui kombinasi lebih dari satu sijil unit adalah tidak dibenarkan.  
*Savings by the way of conversion is subject to the fulfillment of the minimum saving amount in each of the single certificate however the fulfillment of a minimum saving amount through a combination of more than one certificate is not allowed.*

9. Nisbah Perkongsian Untung antara pelanggan dan Bank adalah seperti berikut:-  
*The Profit Sharing Ratio (PSR) between the customer and the Bank is as follows:*

<b>Kategori SSP Edisi Khas</b> <i>SSP Special Edition Category</i>	<b>Nisbah Perkongsian Untung</b> <i>Profit Sharing Ratio</i>	
	<b>Pelanggan</b> <i>Customer</i>	<b>Bank</b> <i>Bank</i>
SSP SE 6 Bulan <i>6 Month SSP SE</i>	25	75
SSP SE 12 Bulan <i>12 Month SSP SE</i>	30	70

10. SSP Edisi Khas boleh ditebus secara keseluruhan atau penebusan sebahagian jumlah simpanan dibenarkan.  
*The SSP Special Edition is allowed full and partial redemption.*
11. Penebusan awal iaitu sebelum matang tempoh pengekalan simpanan adalah dibenarkan tetapi ianya tertakluk kepada kaedah serta terma & syarat penebusan SSP sediaada.  
*Early redemption before expiry of the saving retention period is allowed and shall be subject to the existing method, terms and conditions of SSP redemption.*
12. Sebarang penebusan awal sebelum tarikh matang tempoh pengekalan simpanan akan hanya melayakkan pelanggan untuk menikmati Nisbah Perkongsian Untung seperti berikut:-  
*Any early redemption before the expiry of the saving retention period will only entitle the customer to enjoy the Profit Sharing Ratio as follows:*

<b>Kategori SSP</b> <i>SSP Category</i>	<b>Nisbah Perkongsian Untung</b> <i>Profit Sharing Ratio</i>	
	<b>Pelanggan</b> <i>Customer</i>	<b>Bank</b> <i>Bank</i>
RM10 - RM5,000	2	98
RM5,010 - RM50,000	3	97
>RM50,000	6.5	93.5

13. Pengiraan keuntungan adalah berdasarkan kepada baki harian simpanan. Keuntungan akan dikira dan dibayar mengikut tempoh matang simpanan.  
*The calculation of profit is based on the daily savings balance. Profit will be calculated and paid on maturity date.*
14. Sijil atau unit SSP yang telah mencapai tempoh matang tempoh pengekalan simpanan akan diperbaharui secara automatik selagi ianya tidak ditebus dan SSP masih kekal sebagai SSP Edisi Khas.  
*SSP certificate or units which have reached maturity date of the saving retention period will be automatically renewed as long as it is not redeemed and remain as SSP SE.*
15. Sijil atau unit yang tidak ditebus selepas tempoh matang adalah layak untuk pengiraan kadar keuntungan yang berikutnya mengikut Nisbah Perkongsian Keuntungan SSP sedia ada.  
*Certificates or units that are not redeemed upon maturity shall be eligible for subsequent calculation of the rate of profit based on profit sharing ratio of existing SSP.*
16. **Skim SSP Edisi Khas ini adalah tertakluk kepada Terma & Syarat SSP yang sediaada.**  
***This Special Edition SSP Scheme is subject to the existing SSP terms and conditions.***